

Cultural Elements in the Artwork 'Perhubungan' 1964 by Syed Ahmad Jamal *Unsur Budaya dalam Karya 'Perhubungan' 1964 oleh Syed Ahmad Jamal*

*Noor Enfendi Desa¹, Noor A'yunni Muhamad²,
Nur Adibah Nadiyah Mohd Arippin³, Mohd Fawazie Arshad⁴
^{1,2,3} Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak,
Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

*enfendi@uitm.edu.my¹, noora691@uitm.edu.my², nurad370@uitm.edu.my³,
fawazie@uitm.edu.my⁴
*Corresponding author

Received: 9 January 2024; Accepted: 31 August 2025; Published: 1 September 2025

ABSTRACT

Malaysian modern art is growing rapidly with local and international cultural influences, reflecting the identity and unity of the multi-racial community. One of the important artists in the development of modern art in the country is Syed Ahmad Jamal, who is famous for his abstract expressionist artworks (Sidik, 2013, 2020). This article discusses the sculpture titled *Relationship (Perhubungan)* (1964), one of his early artworks in the medium of sculpture that features the concept of social interaction and human relationships in the perspective of Malaysian culture. This sculpture is not just an exploration of form and space but also carries a deep meaning about the value of unity and national identity. Cultural elements in this artwork can be seen through the use of abstract forms that intersect and link, symbolizing social interaction in society (Abidin hazir & Md Zain, 2014). In addition, this sculpture is also influenced by elements of Islamic art and Malay culture, which prioritize balance and continuity in visual art (Musa & Ramli, 2014). Through a modern art approach that is rooted in the cultural values of the archipelago and Islamic philosophy, Syed Ahmad Jamal successfully depicts the relationship between individuals and society. Relationships become a visual manifestation of national aspirations and the spirit of unity in Malaysia's post-independence era. This artwork not only reflects the development of modern sculpture in Malaysia but also functions as a symbol of social values that are still relevant in today's context (Ismail & Jusilin, 2020; Sabri et al., 2019).

Keywords: Syed Ahmad Jamal, modern sculpture, Malaysian culture, unity, national identity

ABSTRAK

Seni moden Malaysia berkembang pesat dengan pengaruh budaya tempatan dan antarabangsa, mencerminkan identiti serta perpaduan masyarakat berbilang kaum. Salah seorang seniman penting dalam perkembangan seni moden negara ialah Syed Ahmad Jamal, yang terkenal dengan karya-karya abstrak ekspresionisme (Sidik, 2013, 2020). Artikel ini membincangkan arca *Perhubungan* (1964), salah satu karya awal beliau dalam medium arca yang menampilkan konsep interaksi sosial dan hubungan manusia dalam perspektif budaya Malaysia. Arca ini bukan sekadar eksplorasi bentuk dan ruang tetapi juga membawa makna

mendalam mengenai nilai perpaduan dan identiti kebangsaan. Unsur budaya dalam karya ini dapat dilihat melalui penggunaan bentuk abstrak yang bersilang dan bertaut, melambangkan interaksi sosial dalam masyarakat (Abidin hazir & Md Zain, 2014). Selain itu, arca ini turut dipengaruhi oleh elemen seni Islam dan budaya Melayu, yang mengutamakan keseimbangan serta kesinambungan dalam seni visual (Musa & Ramli, 2014). Melalui pendekatan seni moden yang berakar pada nilai budaya Nusantara dan falsafah Islam, Syed Ahmad Jamal berjaya menggambarkan hubungan antara individu dan masyarakat. Perhubungan menjadi manifestasi visual terhadap aspirasi nasional dan semangat perpaduan dalam era pasca-kemerdekaan Malaysia. Karya ini bukan sahaja mencerminkan perkembangan seni arca moden di Malaysia tetapi juga berfungsi sebagai simbol nilai-nilai sosial yang masih relevan dalam konteks masa kini (Ismail & Jusilin, 2020; Sabri et al., 2019).

Kata Kunci: Syed Ahmad Jamal, seni arca moden, budaya Malaysia, perpaduan, identiti kebangsaan



ISSN: 2550-214X © 2025. Published for Ideology Journal by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-No Commercial-No Derivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.


1 PENGENALAN

Di Malaysia, seni lukis berkembang pesat seiring dengan perubahan sosial dan politik, serta pengaruh luar yang memperkayakan gaya dan ekspresi seni tempatan. Salah seorang seniman yang memainkan peranan penting dalam perkembangan seni moden Malaysia ialah Syed Ahmad Jamal, seorang seniman dan pemikir seni yang terkenal dengan pendekatan ekspresionisme abstrak dalam karya-karyanya.

Karya beliau bukan hanya sekadar hasil estetika, malah turut mengandungi nilai-nilai budaya, falsafah, dan simbolik yang mencerminkan kehidupan masyarakat Malaysia. Penulisan ini akan membincangkan unsur budaya yang terkandung dalam karya Perhubungan, serta bagaimana Syed Ahmad Jamal mengolah identiti Malaysia dalam bahasa visual yang unik. Syed Ahmad Jamal merupakan nama yang amat sinonim dengan seni lukis Malaysia. Beliau adalah merupakan pelopor gerakan ekspresionisme abstrak di negara ini. Syed Ahmad Jamal merupakan seorang tokoh di dalam seni lukis yang paling berjaya di negara ini (Sidik, 2013, 2020).

Seni rupa adalah salah satu medium penting dalam menyampaikan idea, pemikiran, dan identiti budaya sesuatu masyarakat. Seni arca pula merupakan salah satu cabang seni yang mampu menyampaikan makna dan nilai budaya dalam bentuk tiga dimensi. Di Malaysia, perkembangan seni arca moden mendapat pengaruh daripada budaya tempatan serta aliran seni antarabangsa yang berkembang pada abad ke-20. Salah seorang seniman yang memainkan peranan penting dalam memperkenalkan seni arca moden di Malaysia ialah Syed Ahmad Jamal, seorang seniman prolific yang dikenali menerusi karya-karya lukisan dan arca berkonsep abstrak.

Salah satu karyanya yang menarik perhatian adalah karya arca yang bertajuk 'Perhubungan' yang dihasilkan pada tahun 1964. Karya ini adalah sebuah karya yang merungkai konsep interaksi sosial dan hubungan manusia dalam perspektif budaya dan spiritual yang turut menggambarkan hubungan antara manusia dan masyarakat dalam konteks budaya Malaysia. Arca ini bukan sekadar eksplorasi bentuk dan ruang, tetapi juga membawa makna mendalam tentang nilai perpaduan, interaksi sosial, dan identiti bangsa. Artikel ini akan membincangkan latar belakang, konsep, serta unsur budaya yang terkandung dalam arca Perhubungan (1964).



Rajah 1 Arca Syed Ahmad Jamal, “Perhubungan”, (1964), Saiz 55 x 29 x 39 cm, Media Logam.

Sumber (Balai Seni Lukis Negara, 1996)

1.1 Latar Belakang Karya

Arca *Perhubungan* (1964) merupakan salah satu karya awal Syed Ahmad Jamal dalam medium arca, dihasilkan ketika beliau aktif bereksperimen dengan bentuk abstrak dan makna simbolik dalam seni. Karya ini dihasilkan dalam era pasca-kemerdekaan, di mana seni Moden Malaysia berkembang ke arah mencari identiti kebangsaan yang tersendiri.

Pada zaman ini, seni arca di Malaysia masih berada dalam fasa perkembangan, dengan kebanyakan karya yang dihasilkan dipengaruhi oleh teknik moden serta elemen tempatan. Tanpa inisiatif awal seniman pelopor seperti Syed Ahmad Jamal, Latiff Mohidin, Redza Piyadasa, Anthony Lau, Yeoh Jin Leng, Lee Kian Seng, Cheong Lai Tong, Tan Tuck Kan, dan lain-lain, seni arca moden Malaysia mungkin tidak dapat bermula atau berkembang. Berbekalkan pengalaman mereka di luar negara, kelompok seniman generasi pertama ini telah meneroka serta memajukan seni arca negara sekitar tahun 1960-an, (Tamyas Bajuri, 1996).

Syed Ahmad Jamal, yang ketika itu dipengaruhi oleh ekspresionisme abstrak, menghasilkan arca ‘*Perhubungan*’ sebagai satu simbol interaksi sosial dan keharmonian dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Arca ini menampilkan bentuk abstrak yang saling bersilang, seolah-olah menggambarkan pertembungan dan pertemuan antara individu yang membentuk satu hubungan erat. Dalam konteks Malaysia, arca ini boleh ditafsirkan sebagai metafora kepada hubungan antara pelbagai kaum yang hidup bersama dalam satu masyarakat yang harmoni. Menurut Terry Barrett, (2017), peristiwa semasa yang berlaku dijadikan tanda, simbol, dan metafora melalui pemilihan subjek yang tepat, bagi menggambarkan konteks dan konsep seni dalam proses penghasilan visual kreatif.

Karya ‘*Perhubungan*’ merupakan salah satu karya seni ikonik Syed Ahmad Jamal yang dihasilkan dalam gaya abstrak ekspresionisme, suatu pendekatan yang banyak digunakan oleh beliau untuk meneroka hubungan antara manusia, alam, dan kepercayaan spiritual. Karya ini menggambarkan bagaimana hubungan sosial dan budaya memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti sesebuah masyarakat.

2 KONSEP DAN IDEA KARYA

Syed Ahmad Jamal sering mengangkat tema berkaitan hubungan manusia dalam karya-karyanya. Perhubungan merungkai makna interaksi dalam pelbagai dimensi - hubungan sesama manusia, hubungan manusia dengan alam, dan hubungan manusia dengan pencipta. Karya ini tidak sekadar menggambarkan realiti fizikal tetapi juga menterjemahkan emosi, perasaan, dan pemikiran dalam bentuk visual yang abstrak.

Dalam konteks masyarakat Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian etnik, budaya, dan agama, karya ini boleh dilihat sebagai refleksi kepada nilai-nilai kebersamaan dan keharmonian yang wujud dalam kehidupan seharian. Syed Ahmad Jamal menggabungkan elemen-elemen budaya tempatan dengan gaya seni moden untuk mencerminkan dinamika masyarakat Malaysia yang berbilang kaum tetapi tetap bersatu dalam satu jaringan hubungan sosial. Implikasi terhadap perubahan budaya, cabaran nilai moral, etika dan pengaruh budaya adalah cerminan sosiobudaya kehidupan masyarakat setempat, (Ismail & Jusilin, 2020).

2.1 Pengaruh Seni dan Budaya dalam Karya


Syed Ahmad Jamal telah mendapat pendidikan seni di Chelsea School of Architecture pada tahun 1950. Pada tahun 1951 hingga 1955, beliau melanjutkan pelajaran di Chelsea School of Art, London. Setahun kemudian beliau belajar pula di Institute of Education, London University. Pengaruh daripada latarbelakang pendidikan beliau telah mempengaruhi kepada aliran seni moden seperti ekspresionisme abstrak. Namun, walaupun menerima pengaruh seni Barat, beliau tidak sesekali menyetepikan budayanya sendiri. Karya Perhubungan merupakan contoh bagaimana beliau mengadaptasi prinsip-prinsip seni moden dengan pendekatan yang masih berakar dalam budaya Nusantara dan falsafah Islam.

3 UNSUR BUDAYA DALAM ARCA 'PERHUBUNGAN' (1964)

Unsur budaya dalam arca Perhubungan dapat dilihat melalui pengayaan dan bentuk yang menggambarkan interaksi serta hubungan antara individu atau kelompok masyarakat. Bentuk arca yang dinamik dan berstruktur memberi makna kepada konsep perhubungan, dan menonjolkan nilai kebersamaan serta jaringan sosial yang menjadi asas kepada budaya tempatan. Selain itu, pemilihan bahan dan teknik dalam penghasilan arca ini turut mencerminkan warisan seni tempatan yang berkembang seiring dengan pengaruh moden pada ketika itu.

Dari sudut tema, Perhubungan bukan sekadar sebuah arca abstrak tetapi juga suatu refleksi terhadap sistem komunikasi dalam budaya Malaysia. Pada tahun 1964, negara sedang mengalami perubahan pesat dalam aspek sosial dan ekonomi, dan arca ini dapat ditafsirkan sebagai suatu metafora terhadap kepentingan hubungan dalam membina identiti nasional.

Secara keseluruhan, arca Perhubungan (1964) memperlihatkan bagaimana unsur budaya dapat diterapkan dalam seni arca untuk menyampaikan makna yang lebih mendalam. Ia bukan sahaja menjadi tanda kepada ekspresi artistik seniman pada era tersebut tetapi juga berfungsi sebagai dokumentasi visual terhadap nilai dan budaya masyarakat Malaysia.



Rajah 2 Carta Alir mengenalpasti Unsur Budaya dalam Arca ‘Perhubungan’ 1964

Berdasarkan rajah 2, adalah menunjukkan carta alir bagi mengenalpasti unsur budaya yang diterapkan didalam karya arca “Perhubungan”, (1964). Carta alir dimulakan dengan langkah yang pertama adalah menganalisis bentuk dan struktur karya tersebut. Manakala yang kedua pula adalah mengenalpasti pengaruh seni Islam dan Melayu dalam karya iaitu mengkaji dari segi unsur geometrik dan bentuk lengkungan pada karya. Turut perlu dititik beratkan juga adalah penerapan unsur nilai perpaduan dan identiti kebangsaan iaitu dari kontek sejarah dan pembentukan identiti seni kebangsaan pada ketika itu.

4.1 Simbol Dalam Bentuk dan Struktur

Arca Perhubungan memperlihatkan penggunaan bentuk yang bersilang dan saling bertaut, melambangkan hubungan antara manusia yang saling bergantung antara satu sama lain. Struktur ini juga boleh dikaitkan dengan falsafah hidup masyarakat Malaysia yang menekankan konsep perpaduan dan gotong-royong dalam kehidupan seharian.

Dalam seni arca moden, penggunaan bentuk abstrak membolehkan seniman menyampaikan mesej secara simbolik tanpa terikat dengan gambaran realistik. Menurut Abidinhazir & Md Zain, (2014) dalam seni arca, imej dan bentuk-bentuk semula jadi telah beransur-ansur bertukar menjadi tafsiran abstrak atau pengalaman manusia yang intuitif. Takrifan mudah bagi simbol memberi kefahaman bahawa simbol pada dasarnya ingin menghubungkan objek yang bersifat nyata dengan apa-apa yang bersifat abstrak atau lebih luas sifatnya, (Said Ahmad @ Syed Ahmad et al., 2023). Menurut Wan Md Zain et al., (2023) turut menyatakan pelukis / seniman boleh membina perlambangan dalam pelbagai cara di mana simbol berfungsi untuk menyampaikan mesej dalam sesebuah karya.

Dalam Perhubungan, unsur garis dan aliran pergerakan bentuk mencerminkan dinamika sosial dalam masyarakat yang sentiasa berinteraksi dan berkembang. “Objek atau imej yang menjadi rujukan tersebut telah melalui proses pengubahsuaian, pengurangan dan pengayaan sehingga lahir bentuk abstrak maupun semi abstrak”, (Zakaria, 2016).

4.2 Pengaruh Seni Islam dan Melayu

Syed Ahmad Jamal sering menggabungkan unsur seni Islam dalam karyanya, dan ini turut dapat dilihat dalam arca *Perhubungan*. Elemen geometri dan susunan dinamik dalam arca ini mengingatkan kepada prinsip reka bentuk Islam yang menekankan keseimbangan, kesatuan, dan kesinambungan. Menurut (Abindinhazir & Zali, 2017), meneliti adaptasi kesenian Islam dalam karya ini, ia di simpulkan bahawa konsepnya tidak kepada bentuk tetapi mempunyai nilai Islamik dalam aspek penafian subjek figuratif sebenar, dan konsep pengulangan geometrik. Konstruksi bentuk berasaskan abstraksi adalah antara ciri-ciri diterima sebagai mematuhi dasar budaya tempatan.

Selain itu, struktur arca ini juga boleh dikaitkan dengan seni ukiran kayu tradisional Melayu yang banyak menggunakan bentuk lengkungan dan motif bersambung sebagai simbol kesinambungan dan hubungan antara generasi. Bentuk-bentuk ini sebenarnya mempunyai signifikansi terhadap budaya Melayu dan Islam, (Musa & Ramli, 2014).

4.3 Nilai Perpaduan dan Identiti Kebangsaan

Sebagai sebuah karya yang dihasilkan dalam dekad 1960-an, arca *Perhubungan* membawa makna yang lebih luas dalam konteks pembinaan negara. Tajuk *Perhubungan* itu sendiri mencerminkan harapan kepada hubungan erat antara rakyat Malaysia dalam membentuk sebuah negara yang bersatu padu.

Pada masa itu, seni moden Malaysia sedang berkembang ke arah membentuk identiti seni kebangsaan yang menggabungkan elemen tempatan dengan pendekatan kontemporari. Menurut (Muhamad et al., 2023) seni dan budaya di Malaysia bermula seiring dengan peredaran zaman, maka seni di Malaysia pada suatu ketika dahulu bertindak sebagai kaedah penceritaan budaya Malaysia melalui visual.

Arca ini boleh dianggap sebagai satu manifestasi visual kepada semangat perpaduan yang menjadi tunjang kepada pembentukan negara Malaysia yang merdeka. Menurut Sabri et al., (2019) hasil kajian menunjukkan bahawa selepas Kongres Kebudayaan Kebangsaan diadakan pada tahun 1971, terdapat impak yang signifikan dan positif dalam seni visual. Perkembangan ini bukan sahaja menolak teori seni Barat, tetapi juga berfungsi sebagai manifestasi untuk membebaskan seniman Malaysia daripada pengaruh Barat. Manakala menurut (Sidik, 2020) yang merupakan kongres seni budaya yang terpenting dimana kerajaan, masyarakat dan ahli fikir dipersoalkan mengapakah seni yang berlaku pada waktu itu tidak memberi apa-apa kesan kepada identiti, budaya dan jati diri tetapi cenderung berkiblat kepada barat yang bersifat tiruan.

4.4 Makna di Sebalik Tajuk *Perhubungan*

Menurut (Sheikh Salim, 2007) Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat maksud *perhubungan* adalah merujuk kepada proses interaksi dan komunikasi antara dua pihak atau lebih, yang membentuk ikatan dalam pelbagai aspek seperti sosial, profesional, budaya, dan emosi. Ia memainkan peranan penting dalam membina jaringan, memahami antara satu sama lain, serta mewujudkan kerjasama yang harmoni dalam kehidupan bermasyarakat.

Pemilihan tajuk *Perhubungan* sendiri menggambarkan kepentingan komunikasi, interaksi, dan keseimbangan dalam kehidupan manusia. Karya ini seolah-olah mengajak penonton untuk merenung bagaimana hubungan yang wujud dalam masyarakat bukan hanya sekadar fizikal tetapi juga melibatkan aspek emosi dan spiritual. Ia juga mencerminkan pemikiran Syed Ahmad Jamal yang melihat seni

sebagai satu medium untuk menyampaikan pemahaman mendalam tentang kehidupan dan hubungan manusia dengan dunia sekeliling.

Dengan pengaruh budaya yang kuat, pendekatan seni yang unik, dan falsafah yang mendalam, Perhubungan oleh Syed Ahmad Jamal bukan sekadar karya seni tetapi satu wacana visual yang mengangkat nilai budaya dan identiti Malaysia ke peringkat antarabangsa.

4 KESIMPULAN

Arca Perhubungan (1964) merupakan satu contoh bagaimana Syed Ahmad Jamal meneroka bentuk-bentuk abstrak dalam seni arca. Abstraksi dalam karya ini menunjukkan bahawa seni tidak terhad kepada representasi realistik, tetapi boleh mengambil bentuk yang lebih bebas dan simbolik. Penggunaan bentuk abstrak ini mencerminkan perkembangan seni moden pada ketika itu, di mana seniman mula menjauhkan diri daripada bentuk tradisional dan lebih menumpukan pada ekspresi konseptual.

Karya ini bukan sekadar bentuk fizikal, tetapi juga membawa mesej tentang hubungan antara individu, masyarakat, dan budaya. Ia mencerminkan kepelbagaian dan interaksi dalam masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya. Melalui bentuk abstraknya, Syed Ahmad Jamal berjaya menyampaikan nilai-nilai budaya dan aspirasi nasional, seperti perpaduan, kerjasama, dan saling memahami.

Syed Ahmad Jamal dikenali sebagai salah seorang tokoh penting dalam perkembangan seni moden Malaysia. Karya-karyanya, mencerminkan pemikiran beliau tentang peranan seni dalam masyarakat. Beliau menggunakan seni sebagai medium untuk menyampaikan mesej tentang identiti bangsa dan hubungan sosial, yang merupakan tema utama dalam karyanya.

Arca Perhubungan bukan sahaja penting dalam konteks sejarah seni Malaysia sebagai satu karya yang mempengaruhi perkembangan seni moden, tetapi juga sebagai simbol nilai-nilai perpaduan yang masih relevan hingga ke hari ini. Dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum dan budaya, karya ini terus menjadi pengingat tentang pentingnya hubungan harmoni antara masyarakat dan nilai-nilai bersama yang menyatukan mereka.

Secara keseluruhan, karya Arca 'Perhubungan' (1964) oleh Syed Ahmad Jamal adalah satu karya yang menggabungkan elemen seni moden dengan mesej sosial dan budaya yang mendalam. Ia mencerminkan visi seniman tentang peranan seni dalam membentuk identiti nasional dan mempromosikan perpaduan dalam masyarakat Malaysia.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak mungkin dapat diselesaikan tanpa-Nya, segala puji bagi Allah S.W.T. Yang Maha Esa, Tuhan sekalian alam, kerana memberi kekuatan dan inspirasi untuk penyelidikan ini. Di samping itu, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua penyelidik yang telah membuat penyelidikan yang bersama-sama dan mengembangkan pengetahuan mereka dalam menyiapkan penyelidikan ini.

PEMBIAYAAN

Penyelidikan ini tidak dibiayai oleh mana-mana agensi dan dana penyelidikan.

SUMBANGAN PENULIS

Semua penulis memberi komitmen dan tumpuan yang sama dalam menyiapkan penyelidikan ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada potensi konflik kepentingan berkenaan dengan penyelidikan, kepengarangan dan/atau penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- Abidin hazir, Z., & Md Zain, Z. (2014). Arca dan Patung: Suatu Kefahaman Konsep. *Kupas Seni: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 2(2014), 155–164. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2229/1552>
- Abindinhazir, Z., & Zali, A. A. (2017). Pengaruh Gaya Seni Barat Dalam Arca “Perhubungan” (1964) Oleh Syed Ahmad Jamal. *Kupas Seni: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 5(2017), 14–22. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2264>
- Balai Seni Lukis Negara. (1996). Katalog Pameran Seni Arca Kontemporari Malaysia. Balai Seni Lukis Negara.
- Ismail, I., & Jusilin, H. (2020). Seni Visual Dalam Konteks Gejala Sosial Di Malaysia: Interpretasi Simbolik Pada Karya Catan Fawwaz Sukri. *Gendang Alam*, 10(1), 159–174.
- Muhamad, N. A., Tahir, A., Ramli, I., S. Abu Bakar, S. A., Mohd Aripin, N. A. N., Desa, N. E., & Arshad, M. F. (2023). The Visual Representation of Malaysian Cultural Identity in 1950s Printmaking Artworks. *Idealogy Journal*, 8(1), 203–223. <https://doi.org/10.24191/idealogy.v8i1.423>
- Musa, N. N., & Ramli, H. (2014). Identiti Melayu dalam Catan. *Kupas Seni: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 02(2014), 103–109. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2233/1556>
- Sabri, M. F., Mokhtar, M., & Mahamood, M. (2019). Contemporary Islamic Art in Malaysia: New Trends and Approaches Since 2000. In *Contemporary Management and Science Issues in the Halal Industry* (pp. 345–354). Springer Singapore. https://doi.org/10.1007/978-981-13-2677-6_29
- Said Ahmad @ Syed Ahmad, S. H., Ismail, I., Othman, M. R., Abdul Rahim, M. D., & Saad, M. N. (2023). A Symbolic Interpretation of The Visual Artwork Titled Walk in Silence, Don't Walk Away in Silence by Saiful Razman in The Context of Covid-19 Phenomenon. *Idealogy Journal*, 8(1), 64–74. <https://doi.org/10.24191/idealogy.v8i1.396>
- Sheikh Salim, S. O. (2007). Kamus Dewan: Edisi Keempat (4th ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidik, F. (2020). Seni Untuk Rakyat: Esei-esei Kurator. Pustaka Taman Seni.
- Tamyes Bajuri. (1996). Katalog Pameran Seni Arca Kontemporari Malaysia- Dialog Kurator Tamu. Balai Seni Lukis Negara.
- Terry Barrett. (2017). *Why is that Art?: Aesthetics and criticism of contemporary art* (3rd ed.). Oxford University Press.
- Wan Md Zain, W. S., Ibrahim, M., Ayob, S., Ghazali, N. H., Sulaiman@Abd Rahim, R., Omar, M., Daud, M. Z., & Wan Md Zain, W. S. (2023). Apresiasi Seni Dalam Karya Seni Catan Sulaiman Esa Menerusi Teori Estetik Melayu. *Idealogy Journal*, 8(1), 83–93. <https://doi.org/10.24191/idealogy.v8i1.405>
- Zakaria, R. (2016). Stail Abstrak Arca Awam Kuala Lumpur: Refleksi Terhadap Tegahan Agama Islam Membina Arca Berbentuk Figura Bernyawa. In A. Hasan, Abd. R. Ismail, & R. Zakaria (Eds.), *Proceeding ISME: Pengukuhan Budi & Jati Diri 2016* (pp. 114–158). Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka.